

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB  
[ TANJONG MANIS ]**

**TARIKH : 17 OGOS 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB [ TANJONG MANIS ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan adakah pembinaan ban pertanian di kawasan Kampung Parit Bugis, di seberang bandar Sarikei, akan diteruskan memandangkan projek tersebut sudah diluluskan semasa pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional dahulu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman, pembinaan ban pertanian adalah dibawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Melalui semakan dengan MAFI, projek tersebut tidak tersenarai dibawah projek Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian (BPSP), MAFI dalam RMKe-10, RMKe-11 dan tiada permohonan projek baharu dalam RMKe-12.

2. Manakala melalui semakan bersama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sarawak didapati bahawa projek tersebut dalam perancangan di peringkat Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.